

Shafie Apdal enggan ulas rombakan Kabinet, tunggu Najib umum
The Malaysian Insider
July 28, 2015
Oleh Md Izwan

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal enggan mengulas mengenai dakwaan bakal digugurkan daripada Kabinet dan mahu menunggu sehingga pengumuman rasmi dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Shafie hari ini dilaporkan antara nama yang bakal digugurkan daripada pentadbiran, namun beliau berkata tidak mengetahui perkara tersebut dan tidak boleh mengulas lanjut selagi tiada pengumuman rasmi.

"Kita tunggu rombakan. Saya tidak boleh komen, saya mana tahu apa yang jadi.

"Tunggu rombakan bila ia datang," kata Shafie kepada wartawan ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Hari Raya Felcra pagi ini.

Shafie yang juga naib presiden Umno, dalam masa yang sama tidak menafikan akan adanya rombakan Kabinet seperti yang dilaporkan The Malaysian Insider hari ini.

Sumber terdekat memberitahu The Malaysian Insider, Najib sudah menghubungi Shafie pagi ini bagi memaklukkannya berkenaan rombakan kabinet itu.

Shafie sebelum ini antara yang lantang mengkritik syarikat sarat hutang milik kerajaan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

The Malaysian Insider hari ini melaporkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bakal membuat rombakan Kabinet minggu ini, menggugurkan 5 daripada 35 menteri termasuk timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang lantang mengkritik cara perdana menteri menguruskan hutang RM42 bilion ditanggung 1MDB.

Sumber memberitahu, Shafie antara salah seorang menteri yang dikatakan bakal digugurkan.

Najib juga pagi ini dilaporkan bertemu Agong di Istana Negara dan dijangka akan mengadakan sidang media petang ini di Putrajaya. – 28 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/shafie-apdal-enggan-ulas-rombakan-kabinet-tunggu-najib-umum>